Tan Beng Keong lwn Pendakwa Raya, Malaysia dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — PENYEMAKAN JENAYAH NO 43-3 TAHUN 2002
SU GEOK YIAM PK
19 MAC 2003

Acara Jenayah *— Bidang kuasa mahkamah — Mahkamah majistret — Sama ada mahkamah majistret mempunyai bidang kuasa untuk membenarkan permohonan di bawah Akta Hakcipta 1987 untuk pelepasan barang yang disita — Sama ada pengawal hakcipta mempunyai kuasa untuk memutuskan perampasan atau pelepasan barangan yang disita — Akta Hakcipta 1987 s 54(5)*

Ini merupakan permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk semakan di bawah s 323 Bahagian XXXI Kanun Acara Jenayah oleh timbalan pendakwa raya. Timbalan pendakwa raya memohon Mahkamah Tinggi menyemak semula keputusan majistret yang telah membenarkan permohonan pemohon untuk perintah melepaskan barang-barang yang disita di bawah Akta Hakcipta 1987 dengan bon di bawah s 413 Kanun Acara Jenayah. Timbalan pendakwa raya berhujah tindakan majistret membenarkan permohonan tersebut adalah di luar bidang kuasa beliau kerana di bawah Akta Hakcipta 1987, hanya pengawal hakcipta berkuasa memutuskan mengenai pelepasan atau perampasan barang yang disita.

Diputuskan, membenarkan permohonan semakan di lampiran 1 dan mengenepikan perintah majistret bertarikh 12 Mac 2002:

(1) Seksyen 31 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memberikan kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk menyemak keputusan yang dibuat oleh mahkamah yang lebih rendah yang berkaitan dengan prosedur jenayah. Di bawah s 323(1) Kanun Acara Jenayah, hakim Mahkamah Tinggi boleh memanggil mana-mana rekod prosiding jenayah di mahkamah rendah untuk menentukan keesahan dan kebenaran sesuatu keputusan, hukuman atau perintah dan juga untuk menentukan keesahan sesuatu prosiding yang dijalankan. Tujuan kuasa penyemakan ini adalah untuk membolehkan sesuatu ketidakadilan itu diperbetul ataupun dihalang (lihat ms 515F–H).

(2) Di bawah s 54(5) Akta Hakcipta 1987, hanya pengawal hakcipta yang berkuasa memutuskan perampasan atau pelepasan sesuatu barangan yang disita. Di bawah seksyen ini juga, hanya pengawal hakcipta yang berkuasa merujuk sesuatu kes ke mahkamah untuk keputusan apabila barangan yang disita itu dituntut oleh pihak yang mengaku sebagai tuan punya barangan tersebut. Pemohon tidak berhak untuk membuat permohonan agar barangan yang disita dilepas dengan bon jamin di bawah s 413 Kanun Acara Jenayah. Tindakan majistret yang bijaksana membenarkan

permohonan pemohon itu merupakan satu kesilapan kerana mahkamah hanya akan mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai barangan yang disita di bawah Akta Hakcipta 1987 apabila ianya dirujuk ke mahkamah oleh pengawal hakcipta. Memandangkan ada peruntukan khusus di bawah Akta Hakcipta 1987 mengenai perampasan dan pelupusan barangan yang disita, peruntukan di bawah s 413 Kanun Acara Jenayah tidak terpakai (lihat ms 516G–517B).

Obiter:

Remedi yang ada bagi pihak yang menuntut ialah untuk mengemukakan satu permohonan ke Mahkamah Tinggi bagi satu perintah mandamus untuk memaksa (to compel) pengawal hakcipta menggunakan kuasanya di bawah s 54(5) Akta Hakcipta 1987 untuk menjalankan satu siasatan (enquiry) ataupun merujuk kes ke mahkamah untuk diputuskan (lihat ms 517D–E).

[**English summary**

This was an application for a revision under s 323 Pt XXXI of the Criminal Procedure Code by the deputy public prosecutor. The deputy public prosecutor applied to the High Court to review the decision of the magistrate that allowed the application of the applicant for an order to release goods seized under the Copyright Act 1987 with a bond under s 413 of the Criminal Procedure Code. The deputy public prosecutor argued that the magistrate's action in allowing the application exceeded his jurisdiction because under the Copyright Act 1987, only the controller of copyright had the authority to decide on the release or confiscation of seized goods.

Held, allowing the revision application in encl 1 and setting aside the order of the magistrate dated 12 March 2002:

(1) Section 31 of the Courts of Judicature Act 1964 gives authority to the High Court to revise the decisions of subordinate courts concerned with criminal procedure. Under s 323(1) of the Criminal Procedure Code, a High Court judge can call for any record of criminal proceedings in the subordinate courts to satisfy itself of the legality or correctness of a decision, sentence or order dan also to determine the legality of the proceedings. The purpose of this revision is to allow an injustice to be corrected or prevented (see p 515F–H).

(2) Under s 54(5) of the Copyright Act 1987, only the controller of copyright has the authority to decide on the confiscation or release of a seized item. Under this section too, only the controller of copyright has the authority to refer a case to the court for a

decision when the seized item is claimed by a party admitting to be its owner. The applicant does not have the right to make an application for the seized item to be released with a security bond under s 413 of the Criminal Procedure Code. The learned magistrate's action in allowing the applicant's application was an error because the court will only have the authority to decide on the items seized under the Copyright Act 1987 after it has been referred to the court by the controller of copyright. Since there is a specific provision under the Copyright Act 1987 concerning the confiscation and release of the goods seized, the provision under s 413 of the Criminal Procedure Code was not applicable (see pp 516G–517B).

Obiter:

The remedy available to the applicant is to apply to the High Court for an order of mandamus to compel the controller of copyright to exercise his powers under s 54(5) of the Copyright Act 1987 to conduct an enquiry or to refer the case to the court for a decision (see p 517D–E).]

[*Nota Editorial*: Tertuduh telah memfailkan rayuan melalui Rayuan Jenayah P–07–08–2002]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai bidang kuasa mahkamah majistret, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 1986–2028.

Kes-kes yang dirujuk

Leong Yuet Heng v Chan Thai & Ors [1973] 1 MLJ 62 (dirujuk)
Liaw Kwai Wah & Anor v Public Prosecutor [1987] 2 MLJ 69 (dirujuk)
Loh Wai Kong v Government of Malaysia & Ors [1978] 2 MLJ 175 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Hakcipta 1987 s 54, (5)
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 31
Akta Relief Spesifik 1950 s 44, (1)
Kanun Acara Jenayah ss 323, (1), Bahagian XXXI, 413

Azhar bin Mokhtar (Timbalan Pendakwa Raya) (Kamar Peguam Negara) bagi pihak pendakwa.

Anoop Singh (*Anoop & See*) bagi pihak tertuduh.

Su Geok Yiam PK: Ini merupakan satu permohonan untuk semakan di bawah Bahagian XXXI s 323 Kanun Acara Jenayah. Permohonan ini dibuat oleh timbalan pendakwa raya. Melalui permohonan ini, timbalan pendakwa raya memohon agar mahkamah yang mulia ini menyemak semula keputusan yang dibuat oleh majistret, Mahkamah Majistret Georgetown yang telah membenarkan permohonan pemohon, Tan Beng Keong, untuk perintah melepaskan barang-barang yang disita di bawah Akta Hakcipta 1987 dengan ikatan bon di bawah s 413 Kanun Acara Jenayah. Alasan yang dikemukakan oleh timbalan pendakwa raya ialah tindakan majistret membenarkan permohonan pelepasan di bawah bon s 413 Kanun Acara Jenayah adalah di luar bidang kuasa beliau. Ini ialah kerana di bawah Akta Hakcipta 1987, hanya pengawal hakcipta berkuasa untuk memutuskan mengenai pelepasan atau perampasan sesuatu barangan yang disita.

Secara ringkasnya, fakta kes adalah seperti berikut: pada 28 Mac 2001 dan 19 April 2001, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menjalankan satu siasatan di premis No 67, Jalan Kuantan, 10150 Pulau Pinang kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Hakcipta 1987. Hasil dari siasatan ini, responden kedua, iaitu pegawai penyiasat, telah menyita beberapa barangan dari premis tersebut dan mengeluarkan dua akuan penerimaan barang yang disita kepada pemohon. Pada 13 April 2001 dan 18 Mei 2001, pemohon telah membuat tuntutan ke atas barangan yang disita ini melalui notis menuntut barangan yang disita/diambil. Namun demikian, pihak responden kedua tidak memulangkan barangan yang disita dan pemohon juga tidak didakwa bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta Hakcipta 1987. Oleh kerana itu, pada 14 Januari 2002, pemohon telah mengemukakan permohonan agar barangan tersebut dilepaskan kepada pemohon dengan bon di bawah s 413 Kanun Acara Jenayah. Pada 12 Mac 2002, majistret telah membenarkan permohonan pemohon dan melepaskan barang-barang yang disita dengan ikatan bon di bawah s 413 Kanun Acara Jenayah.

Seksyen 31 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memberikan kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk menyemak keputusan yang dibuat oleh mahkamah yang lebih rendah yang berkaitan prosedur jenayah. Di bawah s 323(1) Kanun Acara Jenayah, hakim Mahkamah Tinggi boleh memanggil mana-mana rekod prosiding jenayah di mahkamah rendah bertujuan menentukan keesahan dan kebenaran sesuatu keputusan, hukuman atau perintah dan juga untuk menentukan keesahan sesuatu prosiding yang dijalankan. Tujuan kuasa penyemakan ini diberikan ialah untuk membolehkan sesuatu ketidakadilan itu diperbetul ataupun dihalang.

Mahkamah Agung, di dalam kes *Liaw Kwai Wah & Anor v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 69 telah, di ms 70, memetik keputusan satu kes dari India (*Emperor v Nasrullah & Ors* AIR 1928 All 287) yang menyatakan tujuan kuasa penyemakan ini ialah:

> ... to confer upon criminal courts a kind of paternal or supervisory jurisdiction, in order to correct miscarriage of justice arising from misconception of law, irregularity of procedure, neglect of proper precautions

or apparent harshness of treatment, which has resulted on the one hand in some injury to the due maintenance of law and order, or on the other hand, in some undeserved hardship to individuals.

Kuasa penyemakan ini adalah satu kuasa budibicara yang seharusnya digunakan untuk memperbetulkan sesuatu ketidakadilan.

Di dalam kes di hadapan saya ini, isu yang ditimbulkan oleh pihak pendakwa raya di dalam memohon mahkamah melaksanakan kuasa penyemakan ialah tindakan majistret membenarkan permohonan pemohon untuk membenarkan barang-barang yang disita oleh responden kedua di bawah Akta Hakcipta 1987 dilepaskan dengan ikatan bon jaminan di bawah s 413 Kanun Acara Jenayah. Untuk membolehkan mahkamah menggunakan kuasa semakannya, perlulah dilihat sama ada tindakan majistret yang bijaksana itu betul dan sah serta menurut peruntukan undang-undang. Akta Hakcipta 1987 mempunyai peruntukan yang khusus mengenai perampasan dan pelupusan harta yang disita. Seksyen 54 Akta tersebut dengan jelasnya menggariskan peruntukan-peruntukan mengenai perampasan dan pelupusan harta yang disita ini. Seksyen 54 Akta Hakcipta 1987 berbunyi sedemikian:

Forfeiture of articles

(1) ...

(2) ...

(3) Where there is no prosecution with regard to any article, vehicle, book, document, copy or contrivance seized in exercise of any powers conferred under this Act, the same shall be taken and deemed to be forfeited at the expiration of one calendar month from the date it was seized unless a claim thereto is made before that date in the manner hereinafter set forth.

(4) Any person asserting that he is the owner of any article, vehicle, book, document, copy or contrivance seized under this Act and that the same are not liable to forfeiture may personally or by his agent authorized in writing by him give written notice to an Assistant Controller of his claim.

(5) On receipt of a notice under subsection (4), the Assistant Controller shall refer the notice to the Controller who may, after such enquiry as may be necessary, direct that such article, vehicle, book, document, copy or contrivance be released or forfeited or refer the matter to the court for decision.

Di bawah s 54(5) Akta tersebut, hanya pengawal hakcipta yang berkuasa memutuskan perampasan atau pelepasan sesuatu barangan yang disita. Di bawah seksyen ini juga, hanya pengawal hakcipta yang berkuasa merujuk sesuatu kes ke mahkamah untuk keputusan apabila barangan yang disita itu dituntut oleh pihak yang mengaku sebagai tuan punya barangan tersebut. Berdasarkan peruntukan seksyen ini, adalah jelas bahawa pemohon tidak berhak untuk membuat permohonan untuk barangan yang disita dilepas dengan bon jamin di bawah s 413 Kanun Acara Jenayah. Tindakan majistret yang bijaksana membenarkan permohonan pemohon itu merupakan satu kesilapan kerana mahkamah hanya akan mempunyai kuasa

untuk memutuskan mengenai barangan yang disita di bawah Akta Hakcipta 1987 apabila ianya dirujuk ke mahkamah oleh pengawal hakcipta. Ini ialah kerana tiada pendakwaan telah dilaksanakan berkaitan dengan barangan yang dirampas tersebut.

Memandangkan ada peruntukan khusus di bawah Akta Hakcipta 1987 mengenai perampasan dan pelupusan barangan yang disita, peruntukan di bawah s 413 Kanun Acara Jenayah tidak terpakai.

Tambahan pula, peruntukan di bawah s 413 Kanun Acara Jenayah dengan jelasnya merujuk kepada penemuan dan rampasan oleh mana-mana pegawai polis apa-apa barangan atau harta yang disyaki dicuri atau dijumpai di bawah keadaan yang menimbulkan syak bahawa satu kesalahan telah dilakukan. Oleh yang demikian, sepatutnyalah perintah yang dibuat oleh majistret yang bijaksana pada 12 Mac 2002 diketepikan.

Bertolak dari sini, timbul satu persoalan yang penting iaitu apakah remedi yang ada bagi seseorang pemohon yang membuat tuntutan sekiranya pengawal hakcipta tidak mengadakan siasatan ataupun merujuk kes ke mahkamah untuk diputuskan seperti yang terjadi dalam kes ini? Dalam situasi sedemikian, saya berpendapat remedi yang ada bagi pihak yang menuntut ialah untuk mengemukakan satu permohonan ke Mahkamah Tinggi bagi satu perintah mandamus untuk memaksa (to compel) pengawal hakcipta menggunakan kuasanya di bawah s 54(5) Akta Hakcipta 1987 untuk menjalankan satu siasatan (enquiry) ataupun merujuk kes ke mahkamah untuk diputuskan. Saya menyatakan sedemikian kerana di bawah Akta Hakcipta 1987, pengawal hakcipta mesti mengadakan siasatan apabila adanya satu tuntutan terhadap barangan yang disita. Di dalam kes *Leong Yuet Heng v Chan Thai & Ors* [1973] 1 MLJ 62, diputuskan bahawa apabila sesuatu pihak berkuasa (an authority) tidak memutuskan sesuatu perkara yang ia mesti putuskan di bawah undang-undang, mandamus boleh diisukan mengarahkannya untuk memutuskan sedemikian. Profesor MP Jain di dalam bukunya *Administrative Law of Malaysia and Singapore* (3rd Ed, 1997) di ms 653 menyatakan:

> Mandamus is thus a very wide remedy which is available against a public officer to see that he does his duty, or act according to law.

Perintah mandamus ini boleh dipohon mengikut peruntukan s 44 Akta Relif Spesifik (Specific Relief Act) 1950. Di bawah s 44(1) seorang hakim boleh membuat sesuatu perintah terhadap penjawat awam (public officer) 'requiring any specific act to be done or forborne, by any person holding a public office ...'. Gunn Chit Tuan H (beliau pada masa itu) dalam kes *Loh Wai Kong v Government of Malaysia & Ors* [1978] 2 MLJ 175 telah memutuskan bahawa perintah di bawah s 44 Akta Relif Spesifik hanya boleh dibuat terhadap seseorang yang memegang jawatan penjawat awam (public office). Memandangkan pengawal hakcipta adalah seorang penjawat awam, maka perintah mandamus boleh dikeluarkan ke atasnya untuk mengarahkannya menjalankan siasatan di bawah s 54(5) Akta Hakcipta 1987.

Berdasarkan alasan-alasan di atas, permohonan semakan di lampiran 1 dibenarkan dan perintah majistret yang bijaksana bertarikh 12 Mac 2002 adalah diketepikan.

Permohonan semakan di lampiran 1 dibenarkan dan perintah majistret bertarikh 12 Mac 2002 diketepikan.

Dilaporkan oleh Chew Phye Ken